

ديوان مشاركة

Dewan Masyarakat

Sosiolbudaya • Politik • Ekonomi

LAPORAN KHAS
GENERASI DIGITAL:
ADAKAH MEREKA
BENAR-BENAR
MEMBACA?

SIMPANAN PERSARAAN
KEPERLUAN MASA HADAPAN

BAHASA MELAYU: MARUAH
NEGARA YANG TIDAK BOLEH
DIKOMPROMIKAN

ROHINGYA DAN KESIHATAN
AWAM: ANTARA KEMANUSIAAN
DENGAN KAPASITI NEGARA



MELAYU
DALAM
WAJAH
MERDEKA

 **MALAYSIA**
MADANI
 JendelaDBP

Bil. 08/2026

KK 001-90264-0826
ISSN 0419-0386



9 770419 038444



DBP



© DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2026

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Masyarakat diterbitkan setiap bulan sejak September 1963. Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat *Dewan Masyarakat* atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Segala sumbangan yang dikirimkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka haruslah bebas daripada sebarang isu hak cipta atau plagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya. Karya yang dikirimkan juga sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Apabila mengiriskan sebarang tulisan, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan akaun Bank Islam Malaysia Berhad (jika ada) untuk tujuan pendaftaran dan bayaran honorarium sekiranya berjaya diterbitkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada *Dewan Masyarakat* juga dihantar kepada penerbit lain ataupun tidak. Sila alamatkan tulisan anda kepada: Editor *Dewan Masyarakat*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10804, 50926 Kuala Lumpur. Telefon: 03-2147 9724/ 9271.

Ketua Editor

Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

Timbalan Ketua Editor

Marsilawati Mohamad Rani
(marsila@dbp.gov.my)

Siti Norsuhaila Samsudin

(nsuhaila@dbp.gov.my)

Editor

Abd. Kadir Mohd. Ayub
(abdkadir@dbp.gov.my)

Penolong Editor

Nurarifah Fatema Khairulsani
(nurarifah@dbp.gov.my)

Pentadbiran

Zanariah Husali, Uswatun Hasanah Mohamad Amin,
Mohd. Haimee Abd. Hamid

Urusan Langganan

Bahagian Pemasaran dan Pengedaran,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,
Lot 1037, Jalan AU3/1, 54200 Ampang/Hulu Kelang,
Selangor Darul Ehsan.
Telefon: 03-4101 0033
| Faks: 03-4101 2019 | E-mel: pp@dbp.gov.my
<http://www.facebook.com/DBPNiaga>
| <https://dbpniaga.my>

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak Halaman

Rohaizah Hamzah

Dicetak oleh

Attin Press Sdn. Bhd.,
No. 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.
E-mel: attinpress@gmail.com

KANDUNGAN

JILID 64 • BIL. 08/2026/1447H • KK 001-90264-0826 • ISSN 0419-0386

Puisi Khas • Merdeka Itu adalah Keamanan • Wan A. Rahim – 03

Teropong • Raikan Nikmat Kebebasan • Abd. Kadir Mohd. Ayub – 04

Rencana Utama • Melayu dalam Wajah Merdeka • Ahamad Jama' Amin Yang – 06

Rencana Utama • Kontrak Sosial dan Peranan Orang Muda dalam Memperkukuh Negara Bangsa
• Jayakumary Marimuthu – 12

Rencana Utama • Membina Semula Imej Malaysia: Satu Tuntutan dan Keutamaan Bersama • Safwan Saparudin – 14

Rencana Utama • Menjunjung Titah Tuanku: Manifestasi Prinsip Kedua Rukun Negara • Akhmal Hakim Mohamad – 16

Rencana Utama • Bahasa Melayu yang Merdeka • Aninah Janang – 18

Khas • Tanah Melayu: Negara Islam Berdaulat dan Berperlembagaan • Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah – 20

Bahasa • Bahasa Melayu: Maruah Negara yang Tidak Boleh Dikompromikan • N Siva Perumal Narayanan – 24

Inovasi • AI: Antara Bimbingan dengan Kebimbangan Baharu • Mohd. Hairul Haji Mohd. Salleh – 26

Puisi • Tanah Airku • Husna Nazri – 29

Laporan Khas • Generasi Digital: Adakah Mereka Benar-benar Membaca? • Siti Nasarah Ismail – 30

Pendidikan • Aspek Penting ke Arah Pendigitalan Pendidikan • Masyitah Abu – 36

Sosial • Peranan Besar Kepimpinan Pentadbiran Sekolah • Muhammad Firdaus Ihwaan – 38

Sosial • Apabila Drama Menjadi Cerminan Krisis Buli Negara • Nur Azyan Shalihah Mohd. Shafee – 40

Kesihatan • Rohingya dan Kesihatan Awam: Antara Kemanusiaan dengan Kapasiti Negara
• Mohamad Firdaus Mohamad Ismail – 42

Kesihatan • Simpanan Persaraan: Keperluan Masa Hadapan • Mohamad Fadhlullah Omar – 44

Politik • Malaysia Terlebih Parti Politik • Noordin Zakaria – 46

Sukan • Piala Dunia 2026: Arena Bola Sepak Medan Perebutan Kuasa Dunia • Rashid Ating – 48

Filem • *Colony*: Kesempurnaan yang Mengorbankan Erti Kemanusiaan • Muhammad Shuib Rosli – 52

Detik Itu • Muhammad Haziq Noor Affandi – 56

Baca dan Fikir • Muhammad Aliff Najmi Saril – 58

Pemikiran • Kebangkitan AI: Adakah Pekerjaan Kita Selamat? • Mohd. Suhaimi Mohd. Nizam – 59

Anekdot Bulan Ini • Cik Kiah – 62

Puisi • Semarak Cinta Negaraku • Kun Jia Jie – 64

Puisi • Kupilih Negara Ini • J.r. Jel

KESIHATAN

Mohamad Firdaus Mohamad Ismail

Isu pelarian Rohingya kembali menjadi perbualan hangat dalam masyarakat Malaysia sejak akhir-akhir ini. Media sosial dipenuhi dengan pelbagai pandangan. Ada yang menuntut tindakan lebih tegas terhadap pelarian, manakala ada yang mempertahankan mereka atas dasar kemanusiaan sejagat. Dalam suasana tersebut, perbualan sering tertumpu pada aspek keselamatan, ekonomi dan politik. Namun begitu, terdapat satu dimensi penting yang jarang-jarang diberikan perhatian secara mendalam, iaitu implikasi terhadap kesihatan awam negara.

Penulis berpeluang berbincang dengan seorang pegawai imigresen ketika menghadiri urusan berkaitan dengan seorang warga asing yang tinggal melebihi tempoh visa. Dalam perbualan tersebut, beliau menjelaskan bahawa pengurusan pendatang asing tanpa izin yang mempunyai negara asal adalah lebih mudah kerana mereka boleh dihantar pulang selepas menjalani proses perundangan. Walau bagaimanapun, keadaan ini berbeza bagi pelarian. Mereka tidak mempunyai negara yang bersedia menerima kepulangan mereka, menyebabkan proses penyelesaian menjadi jauh lebih rumit.

Lebih menarik, pegawai tersebut turut berkongsi realiti yang tidak diketahui masyarakat. Menurut beliau, terdapat kes tahanan di depoh imigresen yang mengalami tekanan emosi yang serius sehingga ada yang cuba mencederakan diri sendiri. Fitrah manusia sememangnya tidak suka dikurung dalam tempoh yang panjang, lebih-lebih lagi apabila mereka tidak mengetahui nasib dan masa hadapan mereka. Perkongsian tersebut membuka satu perspektif yang sering terlepas daripada perbualan umum, iaitu kesan pelarian terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi. Pada hakikatnya, isu pelarian berkaitan rapat dengan isu kesihatan awam yang memerlukan pendekatan lebih menyeluruh dan berasaskan bukti.

Pelarian, Trauma dan Kesihatan Mental
Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengiktiraf pelarian sebagai antara kumpulan yang paling terdedah kepada

masalah kesihatan mental. Kebanyakan mereka datang daripada kawasan konflik yang menyaksikan peperangan, keganasan, kehilangan ahli keluarga dan perpindahan secara paksa.

Bagi masyarakat Rohingya khususnya, ramai yang telah melalui pengalaman hidup yang amat sukar sebelum tiba di negara transit seperti Malaysia. Mereka meninggalkan kampung halaman, kehilangan sumber pendapatan dan terpaksa hidup dalam keadaan yang tidak menentu selama bertahun-tahun.

Keadaan ini meningkatkan risiko pelbagai masalah psikologi seperti kemurungan, kebimbangan melampau, kecelaruan stres pascatrauma (PTSD) dan masalah penyesuaian sosial. Apabila mereka ditahan dalam depoh imigresen atau hidup tanpa kepastian tentang masa hadapan, tekanan tersebut boleh menjadi lebih serius.

Dari sudut kesihatan awam, isu kesihatan mental tidak boleh dipandang ringan. Individu yang mengalami tekanan psikologi yang kronik mungkin berhadapan dengan kesukaran untuk bekerja, mendidik anak-anak atau berinteraksi secara sihat dengan masyarakat sekeliling. Dalam jangka panjang, masalah ini boleh menghasilkan pelbagai kesan sosial yang lebih besar.

Sudah tentu negara mempunyai hak untuk menguatkuasakan undang-undang imigresen. Namun, pada masa yang sama, aspek kesihatan mental perlu diberikan

perhatian agar sebarang pendekatan yang diambil tidak mengundang masalah baharu yang lebih kompleks pada masa hadapan.

Imunisasi dan Risiko Penyakit Berjangkit

Satu lagi isu yang jarang-jarang dibincangkan ialah berkaitan dengan perlindungan kesihatan awam melalui program imunisasi kebangsaan. Sejak lahir, rakyat Malaysia menerima pelbagai vaksin yang diberikan secara berkala melalui Program Imunisasi Kebangsaan. Program ini telah berjaya mengurangkan pelbagai penyakit berjangkit yang suatu ketika dahulu menjadi ancaman besar kepada masyarakat.

Melalui liputan vaksin yang tinggi, negara berjaya mewujudkan sistem yang dikenali sebagai imuniti kelompok (herd immunity). Apabila sebahagian besar penduduk mempunyai perlindungan imuniti, risiko penularan penyakit menjadi lebih rendah.

Namun begitu, cabaran timbul apabila terdapat kumpulan besar yang berada di luar sistem kesihatan rasmi. Sebahagian daripada pelarian mungkin tidak mempunyai rekod imunisasi yang lengkap atau tidak pernah menerima vaksin tertentu di negara asal mereka. Dalam keadaan ini, usaha mengekalkan perlindungan kesihatan awam menjadi lebih mencabar.

Hal ini tidak bermaksud pelarian sebagai pembawa penyakit. Pandangan sedemikian adalah tidak tepat dan tidak adil, tetapi dari sudut kesihatan awam, kewujudan kelompok yang tidak menerima perlindungan imunisasi yang mencukupi boleh meningkatkan risiko penularan penyakit tertentu sekiranya berlaku wabak.

Persoalannya, bagaimanakah kerajaan harus menangani isu tersebut? Jika



pelarian diwajibkan menerima vaksin, siapakah yang akan menanggung kos pelaksanaannya? Adakah mereka mampu membayar sendiri? Atau adakah kerajaan perlu menggunakan dana awam yang diperoleh daripada cukai rakyat?

Persoalan ini memerlukan perbincangan yang jujur dan telus. Kesihatan awam memerlukan perlindungan menyeluruh, namun pada masa yang sama sumber kewangan negara juga mempunyai had tertentu.

Kesihatan Persekitaran dan Beban Sistem Kesihatan

Selain imunisasi, aspek kebersihan persekitaran juga mempunyai kaitan rapat dengan kesihatan awam. Media pernah melaporkan beberapa buah kawasan penempatan migran dan pelarian yang menghadapi masalah kebersihan, pengurusan sisa pepejal dan kepadatan penduduk yang tinggi.

Dalam bidang kesihatan awam, faktor persekitaran memainkan peranan besar dalam pencegahan penyakit. Sampah yang tidak diurus dengan baik, longkang tersumbat dan kawasan kediaman yang sesak boleh meningkatkan risiko pembiakan nyamuk, tikus dan vektor penyakit yang lain.

Penyakit seperti denggi, jangkitan saluran gastrousus dan penyakit bawaan makanan mempunyai hubungan langsung dengan tahap kebersihan persekitaran. Jika keadaan ini tidak dikawal dengan baik, kesannya bukan sahaja dirasai oleh komuniti pelarian, malah turut melibatkan masyarakat setempat.

Pada masa yang sama, sistem kesihatan negara sendiri sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran. Hospital kerajaan berhadapan dengan peningkatan jumlah pesakit, kekurangan tenaga kerja dan tekanan kewangan yang semakin meningkat. Petugas kesihatan pula sering melaporkan beban kerja yang tinggi serta kesesakan di fasiliti kesihatan awam.

Oleh sebab itu, kehadiran populasi pelarian yang besar menimbulkan persoalan tentang kapasiti sistem kesihatan untuk memenuhi keperluan semua pihak secara mampan. Walaupun bantuan kemanusiaan perlu diberikan, perancangan yang teliti juga diperlukan supaya hak dan keperluan rakyat tempatan tidak terabai.

Mencari Penyelesaian yang Seimbang

Perbincangan mengenai Rohingya sering terperangkap antara dua buah kutub yang ekstrem. Satu pihak menuntut pendekatan yang terlalu keras, manakala satu pihak lagi melihat isu ini hanya dari sudut kemanusiaan tanpa mengambil kira kemampuan negara.

Pada hakikatnya, kedua-dua dimensi ini perlu dipertimbangkan secara serentak. Malaysia mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu golongan yang tertindas. Namun begitu, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab yang sama penting untuk menjaga kesejahteraan rakyat serta memastikan sistem kesihatan negara kekal mampan.

Dalam membincangkan isu pelarian Rohingya, penyelesaiannya tidak boleh hanya bersandarkan emosi sama ada atas nama kemanusiaan mahupun kemarahan masyarakat. Penyelesaian yang diperlukan ialah dasar yang jelas, realistik dan mampu dilaksanakan dalam jangka panjang.

Pertama, kerajaan perlu mempertimbangkan penempatan pelarian di lokasi khas yang lebih tersusun dan terkawal. Langkah ini bukan bertujuan menghukum atau menyisihkan mereka, tetapi bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kebajikan serta pemantauan keselamatan dan kebersihan persekitaran.

Kedua, Malaysia tidak seharusnya menanggung beban ini secara bersendirian. Agensi antarabangsa seperti UNHCR serta badan kemanusiaan global perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam menanggung kos penjagaan kesihatan, kebajikan dan keperluan asas pelarian sepanjang mereka berada di negara ini.

Ketiga, usaha penempatan semula pelarian ke negara ketiga perlu dipercepatkan secara lebih serius, sistematik dan berjadual. Malaysia pada asasnya merupakan negara transit dan bukannya destinasi penempatan kekal.

Akhirnya, isu Rohingya perlu dilihat bukan sekadar sebagai isu imigresen atau politik, tetapi sebagai isu kesihatan awam dan tadbir urus negara. Keseimbangan antara tuntutan kemanusiaan dengan kemampuan negara perlu diselesaikan dengan bijaksana. Hanya melalui dasar yang jelas, berasaskan bukti dan disokong kerjasama antarabangsa, Malaysia mampu mengekalkan nilai kemanusiaannya tanpa mengabaikan kepentingan rakyat serta kelestarian sistem kesihatan negara. ✪

> Dr. Mohamad Firdaus Mohamad Ismail,
Profesor Madya, Kulliyah Kejururawatan Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

KESIHATAN AWAM

Kapasiti Negara

